

Nama Suratkhbar : Utusan Malaysia (Segmen Rencana)

Tarikh: Selasa, 9 September 2014

Mukasurat : 10

Kembalikan jantung Bahasa Melayu dan Sastera

Utusan Mhs (Selasa)
- rencana - 9/9/14 - ms 10

MALAYSIA...Di sini lahirnya sebuah cinta. Itu bait lirik lagu nyanyian Allahyarham Sudirman Haji Arshad yang masih terngiang-ngiang di telinga daripada lagu *Warisan* - sebuah lagu hebat yang menusuk jiwa setiap kali tibanya sambutan Hari Kemerdekaan.

Memang tepat apabila bait lagu itu diangkat sebagai tema sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-57.

Refleksi sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini tenang tetapi semangat cintakan tanah air terasa cukup mendalam.

Tiada kedengaran bunga api dan suasana meriah. Kesederhanaan inilah mewujudkan ketenangan yang melahirkan sebuah cinta.

Penghormatan yang diberikan ke atas beberapa tragedi menginsafkan kita supaya jangan lupa dengan duniawi dan penghormatan perlu ada dalam setiap diri rakyat Malaysia.

Kehadiran saya di Malam Santai Selebriti dan Media di sebuah hotel baru-baru ini pada sambutan kemerdekaan yang turut diadakan sebagai penutup tirai majlis, amat manis apabila Datuk Liang Teck Meng, Pengerusi Perpaduan 1Malaysia menyanyikan bait lagu, *Malaysia...Di sini Lahirnya sebuah Cinta* sebagai pembuka bicaranya.

Tiada ucapan panjang tetapi lagu yang dinyanyikan dengan semangat patriotisme tinggi. Itulah semangat yang perlu ada dalam kalangan rakyat Malaysia.

Saya mendengar bait-bait lagu ini beberapa kali.

"Di sinilah lahirnya sebuah cinta, curahkan sepuhnya, jasa dan budi kita. Segala

Lekat Di Hati Jessica Ong Hai Liaw



cabaran kita terus tempuhi, jangan ada yang leka tentang berjuang."

Semangat perjuangan bagaimana yang perlu ada dalam diri rakyat Malaysia bagi memastikan keamanan terus dipelihara?

Adakah dengan mengibarkan bendera dan menyanyikan lagu sudah cukup menunjukkan kita cintakan Malaysia? Bagaimana dengan perjuangan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan? Di manakah nilai sastera pada hari ini?

Saya tertarik dengan penulisan Azman Anuar dalam rencana akhbar ini bertajuk, 'Kita tak lagi peduli bahasa kebangsaan'. Beliau menyatakan ramai yang lupa bila Bulan Bahasa Kebangsaan yang dahulunya ialah Minggu Bahasa Kebangsaan dan bolehkah kita bermegah dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?

Saya bersetuju dengan Azman. Ramai yang telah lupa menggunakan bahasa Melayu kerana mengagungkan penggunaan bahasa Inggeris yang dikatakan lebih kelas dan berperanan sebagai bahasa antarabangsa.

Bahasa Melayu sering dikatakan sebagai bahasa perpaduan menjadi lambang penyatuan suara yang digunakan sebagai alat perhubungan di antara seorang individu dengan individu yang lain. Persoalannya,

Adakah dengan mengibarkan bendera dan menyanyikan lagu sudah cukup menunjukkan kita cintakan Malaysia? Bagaimana dengan perjuangan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan? Di manakah nilai sastera pada hari ini?

perjuangan bahasa Melayu adakah masih berterusan untuk mengeratkan perpaduan? Kukuh lagikah semangat rakyat yang melauangkan Bahasa Jiwa Bangsa.

Jika kita lihat pula nasib sastera yang semakin ditinggalkan dalam lingkaran sejarah. Kegemilangan sastera dengan bahasa indah dan ungkapan seni, semakin jarang diutamakan kerana semua program seperti deklamasi sajak kemerdekaan dibuat secara tertutup.

Saya mengharapkan pihak RTM, TV3, Astro dan stesen televisyen yang lain dapat menyiarkan lebih banyak program memartabatkan bahasa Melayu dan sastera secara langsung sama ada di televisyen atau radio.

Majalah terbitan DBP dahulu dicari-cari dan sangat penting dengan mutu karya sastera di samping *Dewan Siswa* dan *Dewan Pelajar*. Namun cetakan majalah-majalah sebegini semakin kurang dan nama sasterawan semakin tenggelam.

Zaman kegemilangan sasterawan seperti Allahyarham Datuk Usman Awang, Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), Datuk Dr. A. Samad Said dan ramai lagi - entah di mana silapnya, pemikiran kesusasteraan semakin layu.

Sastera semakin hilang arah kerana tiada yang menyatukan kunci sastera dengan anjakan yang sepatutnya ada kelas tersendiri.

Maka, rasanya tidak keterlaluan jika dituntut pihak berkenaan memikirkan strategi untuk membangunkan semula kesusasteraan Melayu kita.

Dasar kerajaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris atau PPSMI ditentang oleh sasterawan-sasterawan negara dan lain-lain usaha lagi dari setiap peringkat masyarakat mahupun pemimpin baik kerajaan mahupun pembangkang, NGO dan seluruh pihak yang menentang dasar ini.

Akhirnya, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin telah mengumumkan dasar ini dimansuhkan dan akan kembali diajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu pada 2012. Namun setakat mana kepentingan Bahasa Melayu dan Sastera di hati rakyat kini?

Marilah sama-sama kita mencari erti cintakan Malaysia dengan penyatuan hati dan jiwa yang suci supaya semuanya menjadi realiti.

Cintailah Bahasa Melayu dan Sastera dengan setulusnya. Salam iHati.